

01/09/1998

Atlit, pegawai sahut cabaran

Lukman Salleh

ATLIT, jurulatih dan pegawai kontinjen Malaysia sudah komited untuk memastikan negara meraih banyak pingat dalam Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel, yang bermula sepuluh hari lagi.

Komitmen mereka itu sebagai menyahut keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa atlit negara begitu semangat bagi memenangi pingat yang begitu banyak.

Bagi kontinjen negara, keyakinan itu harus diterjemahkan kepada pingat sebagai menghargai pengorbanan dan sokongan yang diberikan kerajaan dan rakyat seluruh negara.

"Atlit, jurulatih dan pegawai kontinjen negara kini bersemangat begitu tinggi bahawa kita mampu melakukan yang terbaik dan meraih banyak pingat."

"Keyakinan Perdana Menteri itu menjadi pembakar semangat kepada kontinjen negara bagi memastikan impian itu tercapai," kata Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Mazlan Ahmad, di Bangi, semalam.

Perdana Menteri dalam perutusan sempena sambutan Hari Kebangsaan melalui RTM kelmarin, antara lain berkata: "Walaupun kita mengalami kegawatan ekonomi, kita yakin dapat menguruskan acara sukan ini dengan jayanya."

"Kita juga yakin atlit kita yang begitu bersemangat dapat memenangi pingat yang banyak untuk negara."

"Kejayaan Sukan Komanwel ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menganjurkan acara besar bertaraf dunia," kata Perdana Menteri.

MSN, yang bertanggung jawab dalam penyediaan program latihan atlit bersama dengan persatuan sukan kebangsaan serta menyalurkan sumber kewangan berjumlah RM160 juta untuk tujuan itu saja, seharusnya paling tepat untuk menilai prestasi atlit negara.

"Kita yakin dapat memperbaiki pungutan pingat di Victoria, yang ketika itu kita memenangi dua pingat emas, tiga perak dan dua gangsa."

"Sasaran kita kini ialah tujuh emas. Ini berdasarkan kepada latihan intensif yang kita mulakan sejak 1994."

Jika dulu kita hanya mampu memenangi emas menerusi badminton, tetapi hasil latihan dan program yang kita atur beberapa sukan sudah menunjukkan peningkatan hingga memberi harapan kita menambah pingat.

"Saya yakin, dengan sokongan padu rakyat seluruh negara, atlit kita mampu melakukannya," kata Mazlan.

Selain badminton, acara yang turut menjadi sandaran negara ialah bowling, angkat berat, menembak dan gimnastik.

"Saya dapat perhatikan melalui kem latihan di Bangi ini, semangat atlit kita begitu tinggi. Mental mereka kukuh dan apabila menjejakkan kaki ke Perkampungan Sukan esok mereka sudah bersiap sedia untuk bertarung."

"Walaupun harapan rakyat begitu tinggi, atlit kita tidak ada diganggu tekanan kerana mereka sudah tahu tekanan yang bakal dihadapi," kata Mazlan.

(END)